

## 19 barang kawalan harga sempena Krismas

2019-12-20T00:30:01+08:00



**BARANG KAWALAN:** Chong menyerahkan Warta Kerajaan Persekutuan berkenaan Skim Harga Maksimum Musim perayaan Krismas 2019 kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Muez Abd Aziz pada Sidang media khas mengenai Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019 di Bangunan Parlimen semalam.

— Gambar Bernama

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyenaraikan 19 jenis barang bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2019 berkuat kuasa dari 22 hingga 31 Dis ini.

Timbalan Menteri berkenaan, Chong Chieng Jen berkata jenis barang tahun ini meningkat berbanding 16 jenis barang sebelum ini, di samping skim itu akan dilaksana selama 10 hari melibatkan tiga hari sebelum perayaan, pada hari perayaan dan enam hari selepas perayaan berbanding lima hari pelaksanaannya tahun lepas.

Beliau berkata skim tersebut akan dilaksana di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Kementerian telah mengenal pasti pertambahan barang melibatkan cili merah, kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing) dan ubi kentang import (China).

"Kategori barang harga terkawal terdiri daripada ayam, telur ayam, sayuran, daging kambing dan daging babi," katanya pada sidang media di Lobi Parlimen di sini semalam.

Penentuan harga maksimum pengeluar, borong dan runcit dibuat mengikut kewajaran dan kesesuaian bagi penguatkuasaan kawalan harga yang lebih berkesan untuk memastikan harga berpatutan bagi manfaat pengguna dan peniaga.

Perincian barang terlibat ialah:

1. Ayam hidup
2. Ayam standard (disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya)
3. Ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal)
4. Ayam tua hidup (\*Harga maksimum di Sarawak sahaja)
5. Ayam belanda import
6. Kepak Ayam (\*Harga maksimum di Sabah, Sarawak & Labuan sahaja)
7. Daging kambing tempatan bertulang (\*Harga maksimum di Semenanjung sahaja)
8. Daging kambing import bertulang atau biri-biri import bertulang .
9. Telur ayam gred A (berat antara 65.0 gram hingga 69.9 gram sebijji)
10. Telur ayam gred B (berat antara 60.0 gram hingga 64.9 gram sebijji)
11. Telur ayam gred C (berat antara 55.0 gram hingga 59.9 gram sebijji)
12. Ubi kentang import (China)
13. Kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing)
14. Cili merah
15. Tomato
16. Lada bengala hijau
17. Babi hidup (Kawalan diperingkat ladang sahaja)
18. Daging babi (perut) (\*Harga maksimum di Sabah, Sarawak & Labuan sahaja)
19. Daging babi (daging dan lemak) (\*Harga maksimum di Sabah, Sarawak & Labuan sahaja)

Dalam pada itu, beliau berkata kementerian akan bertindak tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan di bawah skim tersebut mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Pengguna boleh menyalurkan aduan kepada Kementerian ini melalui Portal [e-aduan@kpdnhep.gov.my](mailto:e-aduan@kpdnhep.gov.my), Call Centre 1800 886 800, e-mel [e-aduan@kpdnhep.gov.my](mailto:e-aduan@kpdnhep.gov.my), aplikasi telefon pintar Ez ADU, Enforcement Command Centre (ECC) 03-8882 6245 / 6088, talian 03-8000 8000 Malaysia Government Call Centre (MYGCC) Whatsapp ke 019- 279 4317 atau melaporkan ke mana-mana 73 pejabat KPDNHEP di seluruh negara. — Bernama